

Rombongan dagang ke Pasifik Selatan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan akan menghantar rombongan perdagangan ke tiga negara Pasifik Selatan - Fiji, Papua New Guinea dan Samoa, Ogos depan untuk mencari pasaran baru barang-barang Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, rombongan itu sebagai pembuka jalan kepada pihak swasta khususnya di sektor perindustrian mengeksport keluaran mereka.

"Saya harap sektor swasta akan bekerjasama dengan kerajaan di

bidang ini untuk turut sama mengembang dan memulihkan ekonomi negara yang agak meleset sekarang," tambahnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Expo Antarabangsa 1983, anjuran Persekutuan Pkilang-pekilang Malaysia (FFM) di sini, petang ini.

Expo 17 hari itu disertai oleh 12 negara asing termasuk Amerika Syarikat, Russia, Republik Rakyat China, Austria, Jepun dan Korea Selatan.

Pekilang-pekilang tempatan turut mengambil bahagian termasuk Mara yang mengemukakan 40 usahawan Bumiputera.

Tengku Rithauddeen berkata, kerjasama sektor awam dan swasta akan terus dipereratkan sejajar dengan konsep Persyarikatan Malaysia yang disyorkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Jika kedua sektor ini sama-sama berganding bahu membangunkan negara, kita tidak nampak Malaysia boleh sebaris dengan negara-negara industri lain yang berkembang maju", jelasnya.

Beliau berkata, kementeriannya akan terus melaksanakan konsep Persyarikatan Malaysia itu.

"Menjadi menjadi tanggungjawab bersama konsep itu berjaya seperti yang dirancang", tambahnya.

Tengku Rithauddeen menjelaskan, sektor pembuatan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, meskipun keadaan ekonomi sekarang agak kurang memuaskan.

Katanya, berdasarkan catatan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (Mida), sektor itu menyumbangkan \$527.6 juta tahun lalu. "Angka ini menunjukkan keyakinan pihak pelabur menanam modal di negara ini," tambahnya.

Beliau berharap, expo antarabangsa itu akan menunjukkan kepada pelabur dan peniaga asing bahawa Malaysia kini tidak hanya mengeksport keluaran seperti getah, timah, minyak sawit dan kayu balak sahaja.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia